

Gadis ‘nasi lemak anak dara’ terima ijazah

BATU PAHAT — Seorang gadis yang menjadi terkenal selepas kisah perniagaannya ‘nasi lemak anak dara’ diviralkan di media sosial baru-baru ini, Siti Hajjar Ahmad, 24, menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini semalam.

Dia kini bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik apabila menjadi antara penerima pada sidang kedua majlis berkenaan yang disampaikan oleh Pro Canselor UTHM, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Siti Hajjar yang ditemui menyatakan kegembiraannya apabila dia akhirnya berjaya menggenggam segulung ijazah dalam bidang kejuruteraan setelah melalui pelbagai pengalaman baharu sejak tamat belajar pada Jun lalu.

“Saya bersyukur sangat dengan apa yang dilalui ketika ini, perancangan se tersusya adalah memberi fokus terhadap perniagaan nasi lemak terlebih dahulu sebelum mencari pekerjaan dalam bidang yang dipelajari.

“Idea bermiaga nasi lemak yang diberi nama ‘nasi lemak anak dara’ ini adalah daripada kawan, sementara saya menunggu panggilan kerja,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Siti Hajjar, dia tidak pernah menyangka akan mendapat perhatian ramai, namun mengang-



SITI HAJJAR menunjukkan skrol ijazah diterimanya pada Majlis Konvokesyen UTHM di Batu Pahat semalam.



SALAH satu foto viral Siti Hajjar yang bermiaga ‘nasi lemak anak dara’ di Seksyen 7, Shah Alam.

gapnya sebagai rezeki untuk membantu ibunya dan adik-beradik lain.

Jelas anak kelahiran Sungai Petani, Kedah itu, ketika ini, dia mahu meneruskan

perniagaan nasi lemak terbabit walaupun sudah mendapat tawaran kerja berkaitan kelulusannya.

Sementara itu, ibunya, Asmah Senapi, 55, me-

nyokong apa jua usaha yang dilakukan anak ketiganya itu, namun tetap berhasrat untuk melihat Siti Hajjar menjadi seorang jurutera suatu hari nanti.

Bercerita mengenai Siti Hajjar, guru di sebuah sekolah di Sungai Petani itu berkata, dia juga agak terkejut apabila diberitahu Siti Hajjar mahu bermiaga kerana mereka bukannya keluarga yang pernah berada dalam bidang itu.

“Tetapi Siti Hajjar memang seorang yang rajin memasak, apabila dia cuti semester dahulu pun dia akan menolong saya di dapur sehingga boleh memasak,” kata ibu kepada lima cahaya mata itu.